

03/01/1998

Dr Wan Zahid dilantik Penasihat Pendidikan

Mohd Fuad Razali

BEKAS Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Zahid Mohd Noordin dilantik sebagai Penasihat Pendidikan dan Tugas-tugas Khas kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sumber Kementerian Pendidikan ketika mengesahkan perkara itu berkata pelantikan berkenaan berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Katanya, pelantikan itu dibuat untuk membolehkan Dr Wan Zahid terus memberi sumbangan fikiran kepada kerajaan mengenai perkara yang berkaitan dengan bidang pendidikan.

"Langkah ini wajar memandangkan beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan," katanya kepada Berita Harian.

Akhir April lalu, Najib pernah berkata, Kementerian Pendidikan masih memerlukan khidmat Dr Wan Zahid sekalipun beliau sudah bersara.

Katanya, khidmat beliau masih diperlukan untuk membantu kementerian itu kerana beliau mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan.

Dr Wan Zahid dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan pada 1 Mac 1993 menggantikan Datuk Asiah Abu Samah. Setelah tamat pada 28 April 1995, perkhidmatannya disambung selama dua tahun lagi sehingga 27 April lalu.

Beliau yang berpengalaman luas dan pernah menjawat pelbagai jawatan sebelumnya, berkhidmat selama 30 tahun dalam perkhidmatan pendidikan.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Wan Zahid pernah menjadi pengetua, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan dan Kelantan, Ketua Nazir, Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan.

Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Pusat Inovasi dan Teknologi Serantau (Innotech), Manila, menerusi program pertukaran kakitangan serta perunding kepada Projek Penyelidikan Pendidikan Prasekolah Malaysia yang dijalankan oleh Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef).

Beliau kini adalah Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad - yayasan yang ditubuhkan bagi memelihara kebajikan guru dan kakitangan perkhidmatan pendidikan.

Sementara itu, Dr Wan Zahid ketika dihubungi melahirkan rasa terharu atas pelantikan berkenaan yang disifatkan sebagai penghormatan tinggi kepadanya.

Menurutnya, cadangan pelantikan itu pernah dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sewaktu beliau membuat kunjungan sempena persaraannya akhir April lalu.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan atas kepercayaan yang diberikan dan berazam memberi kerjasama penuh kepada Kementerian Pendidikan bagi membantu meningkatkan sistem pendidikan sehingga mencapai taraf dunia," katanya.

(END)